

جرنل قنديديقر اسلام

Jurnal

PENDIDIKAN ISLĀM

Jilid 10 Bil. 1 Ogos 2002/Jamadir Akhir 1423H ISSN 0127-5-153 Harga RM10.00

Ketua Pengarang

DR. GHAZALI BASRI

Penolong Ketua Pengarang

DR. ROSNANI HASHIM

Sidang Pengarang

Ab. Halim Muhammady (UKM)

Ahmad Mohammad Said (KDH)

Jariah Masud (UPM)

Khadijah Zon (USM)

Nik Aziz Nik Pa (UM)

Ratnawati Ashraf (UIAM)

Tajul Nordin Ariffin (UKM)

Diterbitkan Oleh:

KOLEJ DAR-AL-HIKMAH (KDH)

Sg. Ramal Luar, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-89252392, 89268915 / 8919 / 8921 Fax: 03-89252477

E-mail: darulhikmah@hotmail.com Laman Web: www.hikmah.net.my

merupakan satu proses ke arah peningkatan keupayaan bahasa Melayu dalam bidang komputer. Usaha untuk mencari dan membina istilah dalam bidang sains dan teknologi merupakan satu proses pematangan jati diri. Jika sekiranya bahasa yang digunakan bukan lagi bahasa ibunda, sampai bila pun tidak akan ada ruang bagi usaha mengungkapkan hasil kreativiti seseorang itu dan tidak akan menjadi maju bahasa yang ia miliki. Pemerhatian kita turut dikongsi oleh seorang sarjana bahasa Melayu dari sebuah negara bekas jajahan komunis. Beliau amat hairan mengapa perkara demikian boleh berlaku. Maksud beliau ialah dalam usaha kerajaan mahu memajukan bangsa Malaysia kepada negara maju dan bertamaddun tinggi mengapa pula jalur ke arah pembinaannya harus dicabut. Ia merupakan satu tindakan yang sangat paradok.

Isu bahasa adalah isu negara bangsa yang tidak seharusnya diabaikan. Apa pun yang akan berlaku adalah menjadi tanggung jawab kita bersama. Satu perkara yang memang sudah menjadi lumrah di negara kita ialah pengenalan satu-satu dasar biasanya berdasarkan kepada keperluan segera yang bersifat popular. Apa pun ukurannya ialah menurut selera teramai. Dalam konteks ini kita amat mengkhawatiri kesan sampingan mendalam terhadap pembentukan jati-diri bangsa Melayu akan terjejas. Memang benar apa yang sering diungkap oleh al-Qur'an al-Karim : *wa la kin aktharan nasi la ya lamūn* (*Al-Baqarah ayat 243, Hud ayat 17, Yusuf ayat 21, 37, 40, Al-Rum ayat 6, 30*): dan banyak lagi, bermaksud "dan sebenarnya, kebanyakan manusia (sememangnya) tidak mempunyai ilmu". Dalam perkataan lain, soal kebenaran tidak boleh diserahkan kepada orang ramai untuk memutuskannya, kerana orang awam tidak mempunyai ilmu yang boleh memandu. Sebaliknya ia harus diserahkan kepada orang berilmu dan berkeahlian.

Pada hemat kami soal lemahnya penguasaan bahasa Inggeris di kalangan anak-anak Melayu adalah soal yang harus dilihat dan ditangani menurut premis yang betul. Kalau soal penguasaannya lemah, maka yang ditingkatkan ialah dengan cara mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Mengapa harus dikaitkan pula dengan pengajaran mata-pelajaran sains dan matematika?

KETUA PENGARANG

Senarai Penyumbang (*Contributors*)

Dr. Abdul Latif Samian
Prof. Madya, Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Dr. Ghazali Basri
Pensyarah Kanan
Kolej Dar-al-Hikmah (KDH)

Dr. Nor Azizah Salleh
Prof. Madya, Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Mah Chui Ling
Pelajar Sarjana
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Mat Radzi Haji Mat Ali
Penolong Pengarah
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)

Dato' Mohd Mokhtar Shafii
Pensyarah Kanan
Kolej Dar-al-Hikmah (KDH)

Dr. Rosnani Hashim
Prof. Madya, Kulliyah Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dr. Shahrir Mohamad Zain
Profesor, Pusat Pengajian Sains Matematik
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Rencana Pengarang

PENGAJARAN MATA-PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIKA DALAM BAHASA INGGERIS. APA RASIONALNYA?

Alam pendidikan di bumi Malaysia gempar sekali lagi, kali ini dengan isu pengajaran mata-pelajaran sains dan matematika dimulai dengan sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan seterusnya di sekolah menengah dan yang lebih tinggi. Walaupun terdapat banyak kritikan khususnya daripada pencinta dan pengamal bahasa Melayu di negara ini, namun pihak berkuasa tetap dengan pendiriannya. Kita dengan mudah dapat menelaah bahawa tindakan pihak berwajib untuk meneruskan dengan perancangannya memang ada kewajarannya. Pada umumnya kewajaran yang diambil adalah berasaskan fahaman utilitarisme, bermaksud untuk faedah segera yang akan diperoleh dari pelaksanaan dasar tersebut. Fahaman begini memang sesuai dengan sikap pragmatisme yang diamalkan oleh kerajaan bagi sesebuah negara. Memang tiada siapa yang dapat menyangkal fakta mengenai kepentingan dan keperluan bahasa Inggeris dalam dunia moden dewasa ini; juga fakta yang menunjukkan lemahnya penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar bumiputra akan menyebabkan kegagalan negara mencapai tahap kemajuan yang diharapkan. Justeru itu pendekatan yang paling mudah dan pragmatik ialah mewajibkan pembelajaran bahasa Inggeris di dalam dua mata pelajaran di sekolah-sekolah. Mengapa dipilih mata-pelajaran sains dan matematik? Ia adalah disebabkan kedua-dua mata-pelajaran ini adalah mata-pelajaran kunci bagi pembangunan negara yang berasaskan sains dan teknologi.

Jika difikirkan secara imbasan memang tindakan pihak kerajaan dalam mewajibkan penggunaan bahasa Inggeris bagi dua mata-pelajaran tersebut dapat membetulkan keadaan serta memberikan manfaat yang dikehendakki. Namun begitu, ia belum menjamin keberhasilannya kerana soal pemakaian bahasa asing bagi menggantikan bahasa ibunda mempunyai kesan intrinsik yang cukup mendalam. Soal bahasa adalah soal pembentukan jati diri dan pembinaan 'tamadun sesebuah bangsa. Bahasa bukan setakat alat *discourse* yang bersahaja, tetapi ia adalah cerminan kepada tingkat keupayaan satu-satu bangsa itu mengungkapkan cita-rasa, invensi serta kreativiti sama ada sebagai individu mahu pun bangsa. Kita ambil contoh Jepun sebagai sebuah negara maju di dunia tidak pun menggunakan bahasa Inggeris dengan begitu meluas, malah sistem persekolahannya bermula dari sekolah rendah hingga ke pengajian tinggi sepenuhnya menggunakan bahasa Jepun. Namun Jepun tidak kurang hebatnya di segi pencapaian di bidang industri dalam berbagai sektor berbanding negara-negara maju di dunia. Sebagai perbandingan juga kita tahu

terdapat beberapa buah negeri di benua Afrika, Nigeria umpamanya menggunakan bahasa Inggeris begitu meluas, namun negara itu tidak pun maju. Jadi penguasaan bahasa Inggeris bukanlah satu-satunya kriteria menyumbang kepada kemajuan negara. Ada lagi faktor-faktor lain.

Pemerhatian kita menjelaskan bahawa kita tidak sekali-kali bermaksud penguasaan bahasa Inggeris harus diabaikan. Kita amat meyakini memang kita semestinya menguasai bahasa Inggeris. Jika ini persoalannya, tentulah ada cara atau kaedah-kaedah lain untuk memastikan ia dapat dicapai. Misalnya dengan melatih serta memperbanyak guru-guru bahasa Inggeris yang benar-benar mahir dalam kaedah pedagogi yang berkesan. Memperlengkap peralatan makmal bahasa di peringkat sekolah rendah lagi. Mempertingkatkan aktiviti sekolah yang dapat menyediakan suasana pembelajaran dan penggunaan bahasa Inggeris dan banyak lagi yang dapat difikirkan.

Kebimbangan kita dalam soal pelaksanaan pengajaran mata-pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris ini bukanlah tidak berasas. Ia bukanlah disebabkan kos yang perlu dibelanjakan terlalu besar, kerana biasanya komitmen pihak kerajaan sudah mengambil kira kemampuan kewangannya Tetapi yang sangat-sangat kita kawatirkan ialah kesan berpanjangan yang akan melanda generasi kita. Kanak-kanak sejak di peringkat awal lagi dibebani dengan bebanan yang berat: satu beban penguasaan isi kandungan mata-pelajaran yang dipelajari dan satu lagi beban menguasai bahasa asing untuk memahami perkara yang dipelajari. Mungkin perkara ini mudah diatasi apabila sudah menjadi kebiasaan. Tetapi yang menjadi lebih penting ialah kesan psikologi yang akan terbentuk dalam jiwa anak-anak kita. Tidak akan ada lagi usaha mahu mereka-cipta sesuatu yang dapat diungkapkan dalam bahasa ibundanya sendiri. Yang ada hanya memperteguh apa yang sudah sedia ada sahaja. Dalam erti kata yang lain penggunaan Bahasa Inggeris dalam konteks ini akan membunuh daya usaha berinovasi dan berkeaktiviti dalam pembangunan tamadun bangsa.

Seperti yang kita akui kedua-dua mata-pelajaran tersebut merupakan mata-pelajaran kunci bagi pembinaan tamadun satu-satu bangsa. Kita tanya diri kita sendiri, apakah ada lagi kemampuan untuk anak-anak kita mengungkapkan hasil refleksi dalam bahasa ibundanya sehingga dapat mencipta atau membentuk peristilahan yang bakal diguna pakai oleh masyarakatnya. Kita ambil contoh yang sangat sederhana, buat beberapa tahun kebelakangan ini kemampuan bahasa Melayu bagi mengungkapkan istilah-istilah berkaitan dengan sistem komputer amat memberangsangkan. Contohnya, **kekunci** bagi *key board* dan **tetikus** bagi *mouse*,